

Definisi Puisi

- Dharmawijaya – puisi adalah ekspresi tentang pengalaman manusia secara imajinasi.
- Anis Sabirin – tukisan berirama, terikat oleh bentuk lahir yang tertentu dan mengutamakan keindahan.
- T.S Coleridge – Puisi ialah kata-kata terbaik dalam susunan terbaik.
- Santayana – Satu kata menggambarkan seribu makna.

SAJAK

“ karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat dan antara sekerat itu biasanya berjodoh bunyi, rentaknya atau isinya serta kebanyakan memakai timbangan atau sukatan yang tertentu”.

....

Anak Melayu

Panas dadamu membakar baju

Kita arak keranda 152

Ke tanah perkuburannya *parlimen*

....

(Usman Awang)

- Puisi ialah cabang kesenian yang bererti bahasa indah, berirama dan mempunyai bentuk tertentu.
- Kalau prosa boleh panjang dan meleret-leret, puisi biasanya lebih singkat.
- Ia dikongkong oleh bentuknya, dan dalam setiap hal lebih padat, lebih ringkas dan lebih berkesan dari prosa.

Sejarah Perkembangan Sajak

- “Oh Sarikoe” (*Poedjangga Baroe*;1933) oleh Harun Amin al-Rashid - sajak moden pertama ditulis oleh penulis Melayu.
- Perkembangan sajak 1933-1941 banyak dilibati oleh golongan guru Melayu di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).
- Pelopor penulisan sajak- Pungguk dengan sajaknya “Di Tengah Segara” yang disiarkan dalam *Majalah Guru* Jld.10.12, Disember 1933 sewaktu beliau menjadi ketua pengarang.
- Pada Mac 1934, tersiar lima sajaknya - “Keluh Kesah”, “Selalu Merayu”, “Tak Disangka-sangka”, “Pujukan Hati” dan “Ibuku”.

- Karya Pungguk yang tersiar dalam *Majalah Guru*, memberi impak kepada penulis lain.
- Munculnya nama-nama seperti Abu Samah (Abu Samah Potot), Akil, Danial Din, Debab Pahang, Muhammad Taib dan Yusof Arshad - *Majalah Guru*.

- Isu yang diketengahkan pada period 1933 – 1941 aspek sosial - persoalan moral dan pendidikan.
- *Majalah Guru* dan akhbar lebih cenderung menyiarkan sajak-sajak sedemikian.
- Pendukung majalah dalam kalangan guru; mendidik, mengajar dan memberi teguran walau dalam apa juga situasi.
- Pendidikan dan moral ini ditemukan nada-nada yang bersifat mengajar dan memimpin (Ali Ahmad ;1991: 23).

- period awal- pemikiran penyair berhubung aspek politik.
- Penyuaran aspek ini tidaklah begitu lantang atau radikal sifatnya tetapi merupakan luahan penyair berasaskan gerak kesedaran fenomena yang berlaku pada waktu itu.

- Wujudnya nada-nada nasionalisme yang membawakan persoalan cinta tanah air, nasib bangsa dan semangat perjuangan.
- “Bisikan Sukmaku”, “Pernyataan Sukma”, “Apalah Nasib Bangsaku”, “Ayuhai!Malaya Watanku”, “Hatiku Bimbang”, “Bangun dan Sedar”, “Ku!Terkenangkan” dan “Rayuan Tanahairku” (Kamaruzzaman Abd. Kadir ;1987:44).
- Tersiar dalam akhbar mingguan *Warta Ahad*.

- Isu lain - gesaan penyair kepada golongan muda mudi supaya sentiasa menjaga dan memelihara harga diri, taat dan berbakti kepada ibu bapa, serta hidup bersatu.
- “Persatuan” (*Majalah Guru*;1941) karya Yusof Arshad yang menggunakan analogi semut sebagai lambang perpaduan dan permufakatan.
- Hal sama turut diungkapkan oleh Jaafar Awang melalui sajaknya “Mungkir Janji” (*Majalah Guru*;1941).

- Perbezaan ekonomi membentuk perbezaan corak kehidupan.
- Sajak “Bangun dan Sedar” - Abdul Rahman Zainuddin memperlihatkan perbezaan taraf hidup antara orang-orang Melayu dengan bangsa pendatang.

- Sajak-sajak yang membawa persoalan kemiskinan, punca kemunduran masyarakat Melayu, kemewahan bangsa lain telah menimbulkan kesan kesedaran dan semangat kebangsaan.
- Penyuaran tidak bersifat sentimen.

- Era kerajaan Jepun - kepercayaan kepada masyarakat tempatan bahawa Jepun ingin memberi kebebasan dan kedamaian.
- Slogan - “Asia untuk Asia”, “Asia Timur Rakyat Makmur Di Bawah Pimpinan dai Nippon”.
- Akhbar digunakan sebagai saluran menyebarkan dakwah mereka sebagai medium yang berkesan.

- Karya-karya atau tulisan sastera mengarah kepada matlamat untuk memperoleh sokongan dan semangat baru daripada masyarakat setempat.
- Agenda penyuaran hasrat itu disalurkan melalui beberapa buah penerbitan iaitu Majalah *Semangat Asia*, *Fajar Asia* dan harian *Berita Malai*.

- Tema sajak zaman Jepun cinta akan tanah air disuarakan secara tersirat.
- Tidak dilakukan secara terang-terangan .
- Persoalan kemiskinan, kemelaratan, penindasan serta kemelaratan nasib bangsa Melayu seperti yang dirasakan sewaktu pemerintahan Inggeris jelas berkurangan.
- Ini menggambarkan seolah-olah pemerintah Jepun berjaya.

- Dasar baru Jepun yang menggalakkan masyarakat bertani mengendurkan penyuaran penyair untuk membangkitkan persoalan tersebut.
- Keyakinan tinggi masyarakat terhadap masa depan bangsa di bawah lindungan pemerintahan Jepun semakin dirasakan.
- “Asia Baru”, “Pelita Asia” , Cahaya Asia”, “Semangat Asia” dan “Terbuka Pintu”.

- Pemerintah Inggris yang kembali menguasai Malaya menghadapi situasi berbeza.
- Sebelum itu, penentangan secara halus, dan tidak berterus terang kini berubah.
- Penentangan bangsa Melayu penubuhan Malayan Union menampakkan perubahan sikap itu.
- Tambahan pula, kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 dan Filipina pada 4 Julai 1946 memberikan kesedaran.

- Kebebasan pihak Inggeris menyemarakkan semangat.
- Pihak Inggeris tidak lagi mewujudkan sekatan atau pengawasan bahan.
- Peluang ini digunakan oleh penulis menyuarakan perasaan mereka secara lebih berani dan radikal.
- Banyak karya terhasil dan penulis baru muncul. Masuri S.N, Ngumba, Tongkat Warrant, Asmara (Ismail Zainuddin), Aishak Norida (Abdul Ghani Ishak), Zulkifli Muhammad, Hafsah, Siti Aishah Kamarioah Johor dan Normah Kamaruddin.

- Dekad 1950-an- penyair lebih berani membawa isu dan pemikiran ; sosial, politik dan ekonomi masyarakat.
- Motto ASAS 50 - 'Seni Untuk Masyarakat'.
- Penglibatan penyair-penyair *stablished* - Usman Awang dan Masuri S.N dgn penyair di luar ASAS 50 - A. Samad Said, Suhaimi Hj. Muhammad dan Salmi Manja.
- Kematangan pemikiran teknik yang digunakan mula berubah.
- A. Samad Said, cenderung untuk keluar dari pola sajak yang bersifat konvensional.

- Dekad 1960-an, Muhammad Haji Salleh, Baha Zain, Dharmawijaya, Latif Mohidin, Kemala, A. Ghaffar Ibrahim, Jihaty Abadi, Wahab Ali dan Samsuddin Jaafar. Mereka telah mencorakkan perkembangan puisi Melayu tanah air.
- Pemikiran mereka masih memperlihatkan kecenderungan dan `cita-cita ASAS 50' di dalamnya (Ali Ahmad; 1984:138).

- Penyuararaan terhadap penderitaan masyarakat, golongan miskin yang tertindas, akibat kesilapan sistem politik dan ekonomi negara pada waktu itu.
- Luahan mereka berbeza dgn golongan ASAS 50. Golongan ASAS 50 menyuarakan masalah kemiskinan serta penderitaan golongan marhaen.

- Luahan rasa penyair ASAS 50 diluaskan peranannya oleh penyair dekad 1970-an sama ada mereka yang datang dari tahun-tahun 1960-an, seperti yang telah dinyatakan di atas, mahupun yang muncul pada tahun 1970-an.
- Antaranya Zurinah Hassan, Anwar Ridhuan, Wan A. Raffar, T. Alias Taib dan Nor Aini Muhammad.

- Keadaan ini telah membawa sajak ke suatu tahap kematangan yang membanggakan.
- Ia bukan sahaja dilihat dari segi kematangan dan keseriusan pemikiran tetapi juga kematangan dan keseriusan pengolahannya.
- Penjelajahan dan pengalaman penyair.

- Sensitiviti atau kepekaan setiap penyair melihat peristiwa sosial merupakan satu tanggungjawab untuk didedahkan kepada masyarakat pembaca.
- Sajak protes antaranya “Telok Gong”, “Tanah dan Rakyat”, “Mereka Telah Tertangkap”, “Siang Petani di Pandamaran” dan “Malam Petani di Pandamaran”.

- Kerancangan penghasilan sajak tahun 1970-an tiga faktor yang saling berkaitan iaitu inisiatif, percetakan, penerbitan dan penulisan (Mohamad Mokhtar Hassan;1989:210-211).
- Usaha kerajaan memberikan inisiatif terhadap hasil-hasil sastera melalui pemberian Hadiah Karya Sastera, dianggap sebagai satu bentuk pengikhtirafan.

- Pemberian Hadiah Karya Sastera oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu merupakan satu motivasi ke arah kerancangan kegiatan dan penghasilan puisi di kalangan para penyair sekitar tahun 1971-1976.
- Pada tahun 1977 - Hadiah Sastera dan tahun 2000 ditukarkan nama dan dikenali sebagai Hadiah Karya Perdana.

- Penglibatan syarikat percetakan dan penerbitan dalam menerbitkan majalah dan akhbar telah memperbanyak wadah penampung dalam menyiarkan sajak-sajak serta karya kreatif yang dicipta.
- Setiap majalah dan akhbar yang ada pada masa itu menyediakan ruangan khusus untuk menyiarkan sajak-sajak.

- Perkembangan ini memberi semangat dan merangsang para penyair menghasilkan sajak yang lebih baik.
- Antaranya akhbar *Utusan Zaman*, *Berita Minggu*, *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Timur*.
- Majalah pula seperti *Dewan Sastera*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Budaya*, *Mastika*, *Sarina*, *Wanita* dan *Al-Islam*

Ciri dan Teknik Sajak

Ciri-Ciri Sajak

- Bebas – tidak terikat dengan ciri konvensional.
- Pemilihan diksi
- Bentuk lihatan- konvensional, gabungan, visual, eksperimental, prosaik.
- Merangsang daya kreativiti.

Teknik Pengungkapan

- Perulangan
- Penyimpangan
- Tuturan
- Penceritaan

Teknik Perulangan

- Perulangan atau repetisi dapat dikesan penggunaannya pada rima, diksi, baris dan frasa, sintaksis dan rangkap.
- Perulangan rima; mendatangkan keharmonian sekiranya dideklamasikan.
- Perulangan tersebut terdapat dalam larik . Contoh
- Sajak A. Wahab Ali - “Di tengah Hutan Puisi” perulangan rima akhir vokal `i`.

Telah lama aku di sini/
sayup kicau teman-temanku berpuisi/
antaranya ada mengembara tanpa kaki/
menjengah dengan hadiah pablisiti/

Bentuk Menyimpang

- Perulangan rima akhir menghasilkan bentuk yang menyimpang.; keluar daripada kelaziman pola rima pantun dan syair sama a-a-a-a atau a-b-a-b.
- Misalnya, sajak Suhaimi Haji Muhammad bertajuk “Sains” dilihat penyimpangan tersebut;

Sains bergerak menuju chayaha
jauh dan semakin jauh didalam hari
sampai satu tempat ia akan berhenti
bahawa fikiran yang memberhentikannya.

Teknik Tuturan

- Puisi sebagai satu bentuk komunikasi yang pada aras tafsiran dicipta bagi menjana pemikiran atau perasaan untuk disampaikan kepada pembaca atau peneliti.
- Teknik tuturan memberi fokus kepada unsur dialog, monolog dan interior monolog.

Sekian, terima kasih